

07/08/1999

Kabinet lulus pembinaan Lebuhraya Pantai Barat

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kabinet meluluskan projek pembinaan Lebuhraya Pantai Barat dari Taiping ke Sabak Bernam bernilai RM1.3 bilion bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas, kata Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam mesyuarat mingguan Kabinet, Rabu lalu juga menggesa Jabatan Kerja Raya (JKR) menyiapkan segera kertas kerja bagi projek itu.

"Kementerian sudah menerima permohonan daripada syarikat pemaju untuk melaksanakan projek itu.

"Projek lebuhraya itu penting kerana Lebuhraya Utara Selatan (Plus) yang sedia ada masih menghadapi masalah kesesakan berikutan beribu-ribu kenderaan menggunakan jalan itu terutama pada hujung minggu, iaitu pada Jumaat, Sabtu dan Ahad.

"Oleh kerana itu kita perlu menyediakan laluan alternatif untuk memudahkan pengguna membuat pilihan bagi mengurangkan kesesakan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Antologi Cerpen Tamil ke 14, di Universiti Malaya (UM), di sini hari ini. Majlis itu dianjurkan Persatuan Bahasa Tamil UM.

Samy Vellu berkata, beliau juga sudah mengarahkan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) untuk mengadakan satu mesyuarat bagi membincangkan mengenai peruntukan bagi projek itu.

Katanya, pihaknya berharap Kementerian Kewangan dapat meluluskan sebahagian daripada peruntukan bagi pembinaan projek itu manakala sebahagian daripadanya oleh syarikat konsensi yang dilantik.

Beliau berkata, projek itu akan dilaksanakan dalam tempoh tiga bulan lagi.

Sementara itu, kerajaan juga akan menaik taraf jalan dari Klang ke Sabak Bernam melalui Kapar, Kuala Selangor dan Klang ke Banting sepanjang 145 kilometer.

Samy Vellu berkata, projek bernilai RM165 juta itu dijangka dimulakan pembinaannya dalam tempoh tiga bulan lagi dan dijangka siap sepenuhnya tahun 2002.

"Saya yakin dengan menaik tarafkan jalan berkenaan ia dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan itu yang semakin serius.

"Pelan reka bentuk dan skop pembinaan sudah menerima kelulusan EPU dan kerja pembinaan melebarkan jalan serta menambah lorong laluan diarah dimulakan segera," katanya.

(END)